

sekata

TAHUN 2 BIL:02 / 2001 ISBN 0217-4627



WADAH PENGEMBANGAN DAN PENGAJARAN PERSURATAN

MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA



MENGUKIR AIR DI PESISIR -
SASTERA MELAYU DALAM ARUS JAGAT

ISI JATI DIRI MELAYU SINGAPURA

Majlis Bahasa Melayu Singapura

Pengerusi	: YB Haji Sidek Saniff
Timbalan Pengerusi	: YB Haji Yatiman Yusof
Setiausaha	: Abdul Malek Ahmad
Penolong Setiausaha	: Mohd Agos Atan
Bendahari	: Drs Haji Masran Sabran
Penolong Bendahari	: Abdul Aziz Abu Talib

Ahli Jawatankuasa

YB Encik Haron Abdul Ghani
Hj Wan Hussin Hj Zohri
Hj Kasmadi Hj Nasir
Ibrahim Hassan
Hj Ma'amun HMF Suheimi
Mohd Naim Daipi
Dr Kamsiah Abdullah
Dr Hadijah Rahmat
Hj. Mohd Raman Daud
Zakiah Halim
Zubaidah Mohsen
Isa Kamari

Dewan Penasihat

Hj Muhd Ariff Ahmad
Hj Masuri Salikun
Dr Liaw Yock Fang


Alamat

Kementerian Penerangan & Kesenian

MITA Building #02-02

140 Hill Street, Singapura 179369

Tel: 8379699 Faksmili: 8379680



Kulit luar merupakan lukisan Saiman Ismail, Setiausaha Agung Kht APAD dan beliau seorang kelulusan Nanyang Fine Art, Singapura.

Sidang Editor

Penasihat :
Hj Muhd Ariff Ahmad (Mas)
Hj Masuri Salikun (Masuri SN)

Editor :
Mohd Raman Daud

Editor Eksekutif :
Djamal Tukimin

Penata susun :
Amran Mael

Kewangan:
Drs Masran Sabran

Kandungan :

- ISI JATI DIRI MELAYU SINGAPURA..... 2
- LARAS BAHASA MELAYU INTERNET TIDAK MELANGGAR ATURAN BERBAGA..... 6
- MENGUKIR AIR DI PESISIR-SASTERA MELAYU DALAM ARUS JAGAT..... 9
- MAHMUD AHMAD MEMBONGKAR RAHSIA PENGARYAANNYA..... 20
- MUHAMMAD SALIHIN..... 25

PENGGUNA BM TERUS CANGGIH

SALAM untuk semua dan mendoakan agar kehidupan semakin ceria dan gembira. Kita berada dalam bulan Zulhijah, di mana hampir 4000 orang akan menunaikan haji, tidak ketinggalan dari kalangan kita sendiri. Untuk keluaran istimewa ini, kami mengekalkan format terdahulu iaitu menampilkan gambar kulit luar yang terdiri daripada karya pelukis setempat.

Kami juga sertakan empat makalah khas iaitu: pandangan pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura, Hj Sidek Saniff mengenai isi jati diri Melayu; seruan Dr Hadijah Rahmat mengenai sastera Melayu dalam arus jagat; kesan berbahasa di Internet oleh Mohd Pitchay Gani; catatan ringkas mengenai almarhum Cikgu Mahmud Ahmad oleh Djamal Tukimin, dan profil penulis gigih, Muhammad Salihin bin Sulaiman Jeem, seorang penulis cerpen yang prolifik.

Kami ingin sekali mendapatkan maklum balas pembaca mengenai mutu Sekata. Ini kerana mutu menentukan segalanya. Kami cuba mengekalkan isi yang berupa hal-hal kebahasaan seperti nahu, istilah, ejaan dan sebagainya dan juga soal budaya dan sastera dalam rangka isu semasa seperti perbincangan mengenai pemupukan elit budaya Melayu.

Sama ada Sekata berupaya menjadi wadah bicara yang proaktif dalam jangka pendek atau wadah persuratan serantau dalam jangka panjang, akan bergantung kepada dua aspek – isi bermutu dan sambutan bermutu.

Kita berharap agar lebih teguh pembangunan masyarakat pengguna bahasa Melayu yang terus canggih di segi pemikiran dan sumbangan. Mentelah kita mahu membuktikan bahawa bahasa Melayu di Singapura dapat terus bertenan dan gemilang dalam membina jati diri masyarakat. Sekata juga boleh ditemui di ruang siber bahasanwan.com.sg. – satu lagi ruang yang memudahkan anda memberikan sumbangan idea/maklum balas.

MOHD RAMAN DAUD

Editor

Majlis Bahasa Melayu Singapura

Isi jati diri Melayu Singapura

Oleh: Sidek Saniff



Penulis ialah Menteri Negara Kanan (Sekitaran) dan Pengrusi Majlis Bahasa Melayu.

Makalah ini berupa ucapan beliau sempena pelancaran Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu yang turut memilihnya selaku anggota, pada 21 Ogos 2000 di Hotel Istana, Kuala Lumpur.

TELAH lama dimaklumi dan diiktiraf bahawa jati diri Melayu itu terletak pada tiga teras -- bahasa, budaya dan agama Islam. Sesiapa saja yang mempunyai dan mengamalkan ketiga-tiganya, walau dari mana asal keturunannya, maka ia dianggap orang Melayu. Jadi, makna Melayu itu sudah berupa satu ikatan jiwa, bukan lagi merujuk kepada satu-satu kaum saja.

DARAH CAMPURAN

Jika kita mengembara di rantau Melayu Asia Tenggara, hakikat ini sedia terpapar. Di Aceh, misalnya, terdapat orang berketurunan Arab, China dan India, dan bahkan bermata biru dan hijau kerana berdarahkan Portugis, tetapi mereka semua digolongkan Melayu. Di Afrika Selatan pula mereka berbangga dengan fizikalnya - ciri kemelayuannya campur keafrikaan.

Menurut seorang sarjana, mendiang K.S. Sandhu, mantan ketua Institut Pengajian Asia Tenggara (ISEAS), ada 240 bahasa yang digunakan di Melaka dalam abad ke-15. Jadi, percampuran kaum telah membentuk ciri jati diri Melayu dalam zaman keagungan kerajaan Melayu. Jelaslah orang Melayu merupakan sebahagian daripada umat Islam yang berwatak sederhana dan bersikap harmoni.

Berdasarkan latar sejarah tadi, nyatalah Bulan Bahasa yang kami sambut sebulan ini dan berakhir pada 26 Ogos 2000 nanti, bukanlah istimewa untuk orang Melayu sahaja. Ia untuk seluruh rakyat Singapura. Seyogia diingat bahawa bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan kami. Hanya empat negara rantau ini yang mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan iaitu Indonesia, Malaysia

dan Brunei serta negara kami, Singapura. Jadi dihitung semuanya, terdapat sekitar 210 juta orang yang diperkirakan berbahasa Melayu, termasuk yang bukan Islam. Dengan angka ini, bahasa Melayu terletak di kalangan 10 bahasa terpenting dunia yang antara lain termasuk Mandarin, Inggeris, perancis dan Arab.

Sebenarnya trend bahasa dunia kian merosot. Dalam tahun 1960 misalnya, diperkata ada 1,500 bahasa di dunia, termasuk bahasa orang asli di hutan Amazon. Kini angka tinggal ratusan. Dengan adanya Internet yang dikuasai bahasa Inggeris, khususnya lama-kelamaan tinggal beberapa sahaja bahasa dunia yang dapat bertahan atau masih digunakan.

CABARAN INTERNET

Awal tahun ini orang Perancis dan pengguna bahasa Perancis telah bertemu bagi memikirkan peranan bahasa mereka. Manchuria pula merasakan tekanan kepupusan bahasa ibunda. Ramai siswa di universiti-universiti Jepun membuat kesilapan bahasanya yang tidak pernah berlaku dahulu.

Baru-baru ini ketika melawat Amerika Syarikat, Canada dan Britain, saya dapat masyarakat berbahasa Urdu dan Arab mengimport guru agama berbahasa Urdu sahaja agar anak-anak mereka dapat menjawai bahasa itu. Guru mereka pula berta-

tih-tatih mempelajari bahasa Inggeris.

Kami mengadakan Bulan Bahasa, antara lain, kerana ingin mempertahan dan memajukan bahasa Melayu. Memanglah di Singapura peluang menggunakan bahasa Melayu di bidang keilmuan amat terbatas. Begitu juga dengan bahasa Tamil atau mungkin juga bahasa Mandarin. Namun kita juga sedar jika bahasa ibunda tidak dilestarikan, kelak yang akan terjejas ialah kebudayaan dan jati diri kita. Bukan setakat bahasa sahaja.

Kami mengadakan Bulan Bahasa, antara lain, kerana ingin mempertahan dan memajukan bahasa Melayu. Memanglah di Singapura peluang menggunakan bahasa Melayu di bidang keilmuan amat terbatas. Begitu juga dengan bahasa Tamil atau mungkin juga bahasa Mandarin.

Orang-orang Melayu Singapura dan tentulah kita semua menyedari kehadiran Melayu di Sri Lanka dan Afrika Selatan. Bilangan mereka diperkata lebih besar daripada masyarakat Singapura. Kebanyakan masyarakat itu tidak dapat berbahasa ibundanya, bahkan mereka

IKATAN RANTAU

Kami beruntung kerana berada di rantau Melayu. Jadi ikatan kerantauan ini senantiasa saling mendokong antara satu sama lain. Namun bagun jatuhnya bahasa Melayu terletak di tangan kami sendiri. Kehadiran bulan bahasa kami itu mungkin

tidak akan berlaku kalau bukan permin-
taan masyarakat Melayu sendiri. Alhamdu-
lillah, orang Melayu umumnya sedar akan
kegentingannya dan kami semua berharap
perkara ini akan berlanjut. Ini azam
kami. Ini tekad kami.

Memakmurkan bahasa Melayu masih
dapat dijalankan dalam ehwal persatuan,
surat-menyurat, luah rasa atau pendapat di
media, perbincangan agama, kutbah atau
syarah dan kesusasteraan. Saya menyata-
kan kepada masyarakat Singapura bahawa saya
kita hal ini sudah
memadai dalam rangka
pelestariannya. Tetapi
usaha kita berpuas
hati sehingga mutu
bahasa Melayu kita
rendah dan ditertewa-
kan oleh masyarakat
Melayu yang lain.

Sepuluh tahun dulu,
apabila Amanah Saham
Mendaki (ASM) dilan-
carkan, hakikat bahawa
masyarakat Melayu
mempunyai daya beli
yang besar seperti mana
kaum kaum lain, banyak iklan-iklan berba-
hasa Melayu mula bermunculan. Akhbar
Berita Harian dan rancangan berbahasa
diTV banyak dimuat iklan. Ini satu
pertanda baik.

Kemunculan Suria, satu saluran TV
berbahasa Melayu memberi peluang yang
lebih banyak kepada masyarakat pengguna
bahasa Melayu berkreatif dalam media
elektronik ini. Malah, tayangan-tayangan
filem dari Malaysia dan Indonesia memberi
peluang kepada penontonnya dengan

penggunaan bahasa Melayu di rantau ini.
Pengalihbahasaan tayangan filem dari Iran,
India, Pakistan, Filipina, Jepun, Cina
memberi peluang pekerjaan baru yang
memerlukan kemahiran berbahasa Melayu.

Satu saluran penggunaan bahasa Melayu
yang baru ialah kemunculan gerbang jarin-
gan Majlis Bahasa Melayu Singapura;
www.bahasawan.org. Gerbang ini diharap-
kan menjadi wadah kepada para pelajar,
pendidik dan penulis khasnya serta

masyarakat pengguna
yang lain berinteraksi
dalam bahasa Melayu.
Kami juga berharap
dapat menghubungkan
gerbang web ini
dengan web institusi
lain seperti Dewan
Bahasa dan Pustaka
Malaysia, mahupun
Brunei, Indonesia, dan
lain-lain lagi.

Itulah sebabnya
bahasa Melayu kini
ditawarkan di sekolah
untuk 10% murid
Melayu yang terbaik.
Langkah ini diharapkan
akan membantu ketahanan
bahasa Melayu. Manakala
kegiatan persuratan
seperti bulan bahasa dan
anugerah persuratan pula
akan mendorong lagi
semangat untuk memak-
murkan bahasa ibunda.

akan membantu ketahanan bahasa Melayu.
Manakala kegiatan persuratan seperti bulan
bahasa dan anugerah persuratan pula akan
mendorong lagi semangat untuk memak-
murkan bahasa ibunda. Saya juga berharap
satu masa nanti akan ada semacam ujian
atau olimpiad sebagaimana berlaku bagi
sains dan matematik, untuk menguji mutu
bahasa Melayu di kalangan murid rantau
ini. Jadi, kita tahu setakat mana mutu
bahasa anak-anak kita. Dari sini kita boleh
bergerak ke arena antarabangsa pula.

MABM boleh memainkan peranan penting
dan genting ini.

ELIT BUDAYA

Dalam jangka masa panjang, kami di
Singapura berharap akan terus mempunyai
elit budaya Melayu. Mereka ini terdiri
daripada kaum profesional atau golongan
intelek yang amat sayang bahasa dan
budayanya serta tebal amalan agamanya.
Mereka di harap
menjadi rujukan masyar-
akat dan negara. Hari ini,
kami bersyukur kerana
elit budaya ini masih
ada walau segelintir.
Sekadar menyebut nama,
Muhd. Ariff Ahmad,
Masuri Salikun, Surat-
man Makasan dan A.
Ghani Hamid dihormati
bukan saja di negara
kita, bahkan dalam
sidang penting kebuda-
yaan dan persuratan di
rantau ini. Jadi mereka
telah mempusakai kami
dengan aras atau
"benchmark" budaya.
Jadi, ukurtara kami bagi
elit budaya yang akan
datang tentulah sedikit
sebanyak akan
berpandukan pada aras yang mereka
wariskan ini.

Usaha untuk menwujudkan elit budaya
juga memerlukan peranan penting kegiatan
budaya Melayu kelak masyarakat dan
badan induknya MESRA. Kelab masyarakat
ialah badan akar umbi. Ia seharusnya
dekat dengan hati nurani rakyat. Tokoh-
tokoh yang saya sebutkan tadi pernah dan

masih bergelumang dengan kegiatan
masyarakat. Kerana tidaklah seseorang itu
dipanggil elit, jika ia jauh atau tidak
menceburkan diri dalam masyarakatnya.

Kami berharap gabungan penyelaras
budaya kelab masyarakat atau akronimnya,
MESRA, dapat bersama-sama menampilkan
visi dan misi jangka panjang dalam
memupuk elit budaya dan kegiatan seni
yang paling sesuai demi mempertahankan

jati diri Melayu yang
murni. Kerja ini bukan
mudah, tetapi ia juga
tidak mustahil. Singa-
pura boleh beralih dari
negara dunia ketiga ke
dunia pertama dalam
35 tahun. Segala-galanya
berlaku memang kerana
kudrat Tuhan, tetapi
tidaklah Tuhan mengu-
bah nasib bangsa jika
bangsa itu tidak menan-
ganinya.


Kami, di Singapura
tentu ingin menjadi
masyarakat yang serba
maju, berakhlek tinggi
lagi makmur dan subur
sumbangannya untuk
negara dan
kemanusiaan. Untuk itu
kami perlu memikir,
merancang dan
bertindak dengan
sebijak-bijaknya.

siaan. Untuk itu kami perlu memikir,
merancang dan bertindak dengan sebijak-
bijaknya.

Jadi, dalam kami mengadakan dalam
kegiatan seni dan bahasa, kami harus
berhenti sejenak atau jeda untuk memikir-
kan di manakah akan kita bawa masyara-
kat kita – bahasa, budaya dan amalan
agama, yang semuanya membentuk jati
diri kami. ■

Laras bahasa Melayu di internet tidak melanggar aturan berbahasa

Oleh: Mohamed Pitchay Gani Bin Mohamed Abdul Aziz



Penulis ialah pensyarah di Kampus Townsville-Institut Pendidikan Kebangsaan Universiti Teknologi Nanyang dan antara penyumbang kerap rencana bahasa di akbar Berita Harian.

BAHASA merupakan lambang-lambang arbitrari yang digunakan sewenang-wenangnya dan diterima oleh masyarakat. Konsep ini menjadikan bahasa itu wahana yang dinamis. Bahasa di internet tidak memerlukan sesuatu badan formal untuk merealisasikannya asalkan ia diterima oleh komuniti penutur sesuatu bahasa itu. Ini merupakan pemankin disebalik keterbarluasan penggunaan bahasa Melayu di Internet. Mangkin ini dilestarikan oleh para pengguna internet yang dikenali sebagai masyarakat maya atau Virtual Community.

Bahasa secara umumnya terbahagi kepada dua jenis iaitu bahasa yang bersifat normatif dan komunikatif. Bahasa normatif merujuk kepada bahasa yang mengikut peraturan bahasa secara formal. Bahasa jenis ini sering digunakan di sekolah-sekolah dan majlis-majlis rasmi atau dikenali sebagai bahasa baku. Bahasa baku pula meliputi bahasa pertuturan dan penulisan yang dianggap gramatis dari sudut linguistik. Bahasa komunikatif pula merujuk kepada bahasa yang digunakan dalam pertuturan atau lebih dikenali sebagai bahasa percakapan. Bahasa jenis ini biasanya tidak mengikut tatabahasa kerana sifatnya yang spontan. Ayat-ayat yang dihasilkan sering mengalami manipulasi bahasa.

Manipulasi merujuk kepada penggunaan bahasa secara kreatif. Maka terhasil ayat-ayat pendek dan istilah-istilah yang menyimpang daripada tatabahasa. Misalnya ayat; "dah makan belum?", "ndak", "pegilah" dan sebagainya. Faktor utama yang memberangkan ayat dan istilah tersebut digunakan ialah penerimaan komuniti berbahasa itu berlandaskan keupayaan untuk menyampaikan dan memahami mesej yang cuba diutarakan. Konsep ini

secara tidak langsung menjelaskan kelahiran dialek, laras bahasa, loghat dan slanga.

KOMPONEN BAHASA

Penggunaan bahasa Melayu di internet terbahagi kepada beberapa komponen iaitu e-mail (e-mel), chat (sembang) dan lelaman jaringan (web). Chat terbahagi kepada tiga jenis iaitu IRC, ICQ dan MSN yang menggunakan emoticons atau ikon-ikon emosi. E-mail dan chat menggunakan bahasa komunikatif sahaja. Ikon-ikon emosi merujuk kepada ilustrasi yang menunjukkan perasaan pengguna misalnya riak wajah marah, sedih, gembira, tersenyum, bunga ros dan jantung. Ikon-ikon ini juga merupakan wahana penyampai maksud atau bahasa di internet yang bersifat pictographic atau ideagraphic.

Lelaman web pula terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu hiburan dan intelektual. Biasanya bahagian intelektual seperti bahasa dan kesusteraan menggunakan bahasa normatif manakala bahagian hiburan menggunakan bahasa normatif bagi segmen informasi dan bahasa komunikatif bagi segmen interaktif.

Pengklasifikasi di atas menunjukkan bahawa penggunaan bahasa di internet yang bersifat umum seperti pemberian maklumat lebih cenderung kepada bahasa normatif untuk mengelakkan kekaburan dan salah tafsir. Manakala penggunaan bahasa yang bersifat peribadi atau persendirian seperti di email dan chat bersifat komunikatif. Keadaan ini berlaku kerana

adanya komuniti maya yang memahami antara satu sama lain akan bahasa yang digunakan.

Latarbelakang ini menjadi penjelasan kepada perkembangan dan pembangunan bahasa Melayu di internet. Kini telah lahir laras internet bagi bahasa Melayu di internet. Menurut Fishman, seorang ahli sosiolinguistik, laras ialah lingkungan institusional iaitu apabila

sesuatu ragam yang digunakan oleh seseorang yang dianggap lebih sesuai daripada ragam bahasa yang lain. Laras internet ini merupakan gabungan bahasa tulisan dan lisan.

Internet telah berjaya menyatukan atau pun menggramatiskan bentuk bahasa Melayu yang dianggap tidak gramatis. Penjelasan di atas tadi menunjukkan bahawa bahasa jenis normatif digunakan untuk penulisan sementara bahasa komunikatif digunakan untuk lisan atau percakapan. Laras internet pula merupakan perealisasian keserasian kesatuan bahasa lisan dan tulisan dalam bentuk visual. Ini bermaksud sesuatu yang dahulunya hanya dapat ditutur, kemudian didengar dan hilang kini dapat dilihat dan disimpan. Bentuk lisan kini direalisasikan dalam bentuk tulisan tanpa menurut tatabahasa bentuk penulisan.

ERTI CEMAR
Penjelasan ini menghapuskan kepercayaan tentang pencemaran bahasa Melayu di internet. Pencemaran bahasa hanya berlaku sekiranya sesuatu bahasa itu

*Pengklasifikasi
di atas menunjukkan
bahawa penggunaan bahasa di
internet yang bersifat umum
seperti pemberian maklumat lebih
cenderung kepada bahasa normatif
untuk mengelakkan kekaburan dan
salah tafsir. Manakala penggunaan
bahasa yang bersifat peribadi atau
persendirian seperti di email
dan chat bersifat
komunikatif.*

Mengukir Air Di Pesisir-sastera Melayu dalam arus jagat

Oleh: *Hadijah Rahmat*



**Penulis ialah Penolong
Profesor Jabatan Bahasa dan
Budaya Asia, Institut Pendidikan
Kebangsaan Universiti Teknologi
Nanyang, Singapura, dan
merupakan antara sasterawan
wanita yang gigib.**

digunakan di luar komuniti penuturnya. Selagi ia masih digunakan di dalam komuniti bahasa itu sendiri, ia bukanlah satu pencemaran memandangkan ia diterima pakai secara konvensi oleh anggota masyarakat penuturnya. Sebaliknya laras bahasa Melayu di Internet lebih merupakan salah satu komponen ragam bahasa Melayu. Ia merupakan kesan manipulasi bahasa.

Satu perbandingan yang jelas boleh dibuat terhadap bahasa Melayu dalam penulisan genre kesusasteraan. Penulis diberikan Licentia Poetic atau "kebebasan penyair" untuk memanipulasikan bahasa dalam penulisannya. Ini merupakan satu aspek kreativiti penulis dalam menyampaikan mesejnya. Kebebasan ini juga melahirkan sajak-sajak kabur. Namun haruslah diingatkan bahawa lesen ini hanya untuk kegunaan dalam karya sastera sahaja. Ini bermakna ia bersifat terkawal di dalam komunitinya sahaja. Keadaan ini serupa dengan situasi bahasa Melayu di internet. Konsep lesen itu juga boleh dikembangkan untuk merangkumi bahasa Melayu di internet.


ISI MATLAMAT

Laras bahasa Melayu internet merupakan hak milik komuniti maya di internet. Komuniti ini pula bervariasi. Ada yang menggunakan ragam mat atau minah Rock, peralihan kod antara bahasa Inggeris dan Melayu, pelat, keanak-anakan, berrama, simbol atau ikon dan dialek. Variasi seumpama ini menonjolkan apa yang kita kenali sebagai bahasa rojak di internet. Istilah rojak apabila dinilai sebagai bahasa pasar bermaksud dicampuradukkan. Namun demikian ia bukanlah satu pencemaran kerana ia difahami, diterima dan

digunakan oleh komuniti berbahasanya sendiri. Maka patutkah kita menyalahkan komuniti maya ini kerana menggunakan bahasa mereka sendiri? Pencemaran bahasa didefinisi-kan oleh Kamus Dewan sebagai penggunaan bahasa yang tidak betul di kalangan masyarakat. Adakah bahasa Melayu di internet menonjolkan penggunaan bahasa yang tidak betul atau lebih merupakan pragmatik berbahasa secara kreatif dan realisti?

Laras bahasa Melayu internet bersifat kreatif memandangkan komuniti maya telah melakukan proses peristilahan mereka sendiri dan istilah serta "peraturan" berbahasa yang timbul diterima oleh semua anggota dalam masyarakat atau komuniti maya itu. Ia berkesan kerana mampu menepati objektif berbahasa iaitu menyampaikan mesej. Keadaan ini sama seperti bahasa isyarat yang difahami oleh komuniti atau individu-individu yang terlibat sahaja. Adakah bahasa isyarat juga dianggap pencemaran bahasa?

Laras bahasa Melayu internet realistik dan praktikal kerana bahasa yang terhasil bersesuaian dengan matlamat internet itu sendiri iaitu mempercepatkan akses kepada maklumat. Internet juga telah mengecilkan dunia dan menjadikan ia tidak bersempadan. Maka manifestasi internet itu dapat dilihat dalam bahasa internet yang bersifat pendek, padat, spontan dan jelas. Bahasanya mudah difahami kerana bersifat kemanusiaan atau human language bukan seperti bahasa mesin yang memerlukan berbagai aturan. Faktor yang penting dalam bahasa Internet ialah penserasian nilai kemanusian dalam perutusan. Sesuatu bahasa itu dikatakan mencapai objektifnya apabila mesej yang disampaikan itu difahami oleh penerimanya. ■



Kita pacu tenaga dan rebut keunggulan budi & cita mengukir citra indah bangsa dan manusia di panggung jagatraya.

(Cerita Rakyat III, 1992)

PENGENALAN

Tema pertemuan Dialog Selatan III ini ialah "Sastera Melayu Dalam Arus Jagat". Tujuan utama pertemuan ini ialah untuk menggariskan strategi bagi peningkatan bahasa dan sastera Melayu dalam menghadapi arus sejagat. Para pemakalah dikehendaki membentangkan cabaran pensejagatan/globalisasi ke atas kehidupan bermasyarakat dan serumpun, mengupas isu-isu semasa dan yang bersifat beban sejarah (historical baggage); memikirkan apakah visi hari muka dan bagaimanakah cara terbaik rantaui berbahasa Asia Tenggara bangkit untuk menegaskan jati diri dan kemajuan rumpun, khususnya dalam bidang persuratan.¹

Sebenarnya, persoalan pensejagatan atau globalisasi bukanlah satu isu yang baru kini menarik perhatian para sasterawan rumpun Melayu. Malah dalam Dialog Selatan I, yang diadakan pada 24-26 Januari 1992, dan Pertemuan Sasterawan Nusantara ke X, pada 16-20 April 1999, kedua-duanya berlangsung di Johor Bahru, isu ini telah dibincangkan, secara langsung atau tidak.² Tumpuan pertemuan kali ini terhadap persoalan yang sama, mungkin menggambarkan betapa besar keprihatinan kita terhadap fenomena ini dalam kehidupan kita hari ini.

RUMPUN MELAYU DALAM SEJARAH ARUS JAGAT


Sebelum dibicarakan isu-isu semasa, wajarlah kita merenung kembali hubungan Rumpun Melayu dengan

arus sejagat pada masa lalu. Pada umumnya ada sekurang-kurangnya tiga jenis arus besar jagat yang telah melanda Alam Melayu, mengacak alunan kehidupannya dan telah mengukir pesisiran pantai Melayu: Pertama, gelombang penyebaran agama-agama besar dunia; kedua, gelombang Penjajahan Barat dan ketiga, gelombang teknologi percetakan.

Gelombang Agama Besar Dunia

Sebelum abad ke 4, masyarakat rumpun Melayu mengamalkan sistem kepercayaan kuno berdasarkan faham animisme dan konsep semangat. Kepercayaan ini melahirkan daya estetika bersifat alamiah yang amat bersahaja dan mudah, yang rapat dengan alam sekeliling terdekat, dicetuskan oleh fakulti ‘rasa’ atau perasaan dan disalurkan dalam bentuk pengucapan lisan. Sastera masyarakat Melayu ketika itu lebih merupakan interpretasi dan manifestasi rasa penghormatan manusia kepada makhluk yang berkuasa dalam alam tabii dan alam ghaib dan ini jelas melalui ciptaan dan fungsi mantera, jampi serapah, cerita-cerita lagenda dan mitos asal-usul.

Mulai abad ke 4 sehingga abad ke 14, iaitu selama lebih kurang 1000 tahun, masyarakat Nusantara menerima dan menyerap agama Hindu-Buddha. Proses penganutan Ideologi agama India dikatakan berperingkat: Peringkat penerimaan dan penerapan dari abad ke 4 hingga 7; sementara proses Pemelayuaninya (Malayization) berlaku dari abad ke 7 hingga separuh pertama abad ke 14 (Braginsky 1993). Agama besar dunia ini memperke-



nalkan konsep raja dan kerajaan atau sistem feudal, konsep reinkarnasi dan konsep karma (nasib dan takdir) @ suatu falsafah kepercayaan yang lebih abstrak dan tinggi berbanding sistem kepercayaan animisme. Dari segi kesenian, agama dan budaya Hindu telah meningkatkan aspek estetika Melayu menjadi lebih bersifat imaginasi, fantasi, alam kayangan dan alam rohani (pertapaan) dengan unsur-unsur penjelmaan dan kesaktian. Sastera Melayu yang bersifat kelisanan mengalami peningkatan kerana bahasa Sanskrit dan beberapa tulisan diperkenalkan, seperti tulisan Pallawa, kawi dan huruf Nagiri, dan genre sastera baru dicipta hasil pertembungan dan penyerapan dengan dengan agama dan budaya India .

Seterusnya, seawal abad ke 7 lagi, gelombang agama tahap kedua berlaku apabila rumpun Melayu menerima kedatangan Islam. Proses Pengislaman berlaku bertahap juga@ tahap awal (Pengislaman luaran) bermula dari 1450- 1700 dan tahap kedua iaitu tahap mendalam Islam (Pengislaman Rohani) dikatakan berlaku dari 1750-1950 (Braginsky 1993). Islam melalui falsafah ketauhidan telah membawa keyakinan baru mengenai alam nyata dan metafizika dan melalui tulisan jawi dan bahasa Arab dan cabang-cabang ilmu Islam telah mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan rumpun dan bahasa ilmu. Dari segi sastera, Islam menekankan peranan dan fungsi sastera sebagai ‘adabiyah’ - iaitu untuk memupuk adab budi, kesed)3 aran, pendidikan, akhlak manusia dan bukan hanya seni semata-mata. Islam juga menekankan peranan manusia untuk

menguasai maklumat alam dengan akal untuk menjadi insan lebih sempurna, bertanggungjawab dan moral. Islam telah membina dan mengukuhkan tradisi sastera bertulis sebagai corak sastera yang penting.⁴ Ini kerana Islam adalah suatu agama yang bersifat kebudayaan sastera yang saintifik (S.M.Naquib Al-Attas,1972).

Oleh itu, jelas di sini bahwa a gelombang agama dunia yang melanda pesisir pantai dan seluruh kepulauan Melayu secara bertahap-tahap tersebut telah mengukuhkan falsafah dan tamadun Melayu, termasuk sasteranya. Malah Islam telah memberi unsur jatidiri yang sihat dan utuh.

GELOMBANG PENJAJAHAN BARAT

Satu lagi arus jagat yang dialami oleh Rumpun Melayu ialah Penjajahan Barat yang meruntuhkan tebing kerajaan, teluk politik dan tanjung keyakinan Melayu. Ia bermula dengan kejatuhan kerajaan Melayu-Islam Melaka di tangan Portugis pada tahun 1511, dan beralih pula ke genggaman Belanda(1641), kemudian

Inggeris yang juga menguasai Pulau Pinang dan Singapura (1819). Negeri-negeri Melayu yang lain tidak pernah ditakluki Inggeris, tetapi mendapat perlindungan Inggeris sebagai “protected states” dengan persetujuan raja-raja Melayu sendiri. Inggeris dan Belanda adalah dua kuasa besar penjajah yang meninggalkan kesan dalam sejarah bukan sahaja di Malaysia, Singapura dan Indonesia, malah seluruh Alam Melayu. Kedua-dua kuasa ini sejak abad ke 16 lagi sudah bersaing untuk menguasai alam yang kaya dengan rempah ratus ini. Sebelum membuka pengkalan di Singapura, Inggeris juga pernah menguasai Batavia(1811) dan Bengkahulu. Tetapi Belanda merupakan kuasa penjajah utama yang menguasai Indonesia sejak awal lagi, khususnya sesudah Perjanjian 1824 dimeterai, yang telah memecahbelahkan Dunia Melayu di bawah kuasa Inggeris dan Belanda.

GELOMBANG TEKNOLOGI PERCETAKAN

Walaupun tulisan sudah bertapak dalam Alam Melayu, penyebarannya masih terbatas kerana proses penyalinan manuskrip secara tradisional mengambil masa yang lama dan kosnya amat tinggi. Ini menyebabkan sebuah karya bertulis mempunyai sebaran dan khalayak yang terbatas. Dengan pengenalan dan penggunaan teknologi percetakan sesebuah karya dapat dihasilkan dengan jumlah yang banyak dan dapat dinikmati oleh lebih ramai pembaca, dari pelbagai lapisan masyarakat. Sastera bertulis tidak lagi bercorak elitis kerana hanya dapat dinikmati oleh golongan tertentu, tetapi kini sudah lebih terbuka dan meluas, khususnya sesudah suratkhabar dan majalah dihasilkan dan meluas di kalangan masyarakat rumpun Melayu pada tahun 1920an dan 1930an. Dengan penyebaran pengaruh percetakan, budaya membaca mula bertapak dalam masyarakat Melayu, di samping budaya mendengar

yang masih terus berpengaruh.

ALUNAN SASTERAWAN SILAM DALAM GELOMBANG ZAMAN

Daya Kelenturan dan Bakat Sintesis Seni Rumpun Melayu tidak ditelan sejarah gelombang jagat, yang terus menerus melanda dan cuba menghakis pesisirannya, sekurang-kurangnya hakikat ini jelas terpantul melalui kesusterawan kita. Malah para sasterawan agung silam kita sudah membuktikan bahawa mereka bukan saja dapat bermain di pantai sejarah, menyelungsur ombak waktunya dengan gelombang sejagat, malah menyelimuti lautan dalam kehidupan untuk menemui mutiara sastera zaman, untuk dipusakai oleh anak-anak zaman kemudian.

Negeri-negeri Melayu yang lain tidak pernah ditakluki Inggeris, tetapi mendapat perlindungan Inggeris sebagai “protected states” dengan persetujuan raja-raja Melayu sendiri.

Inggeris dan Belanda adalah dua kuasa besar penjajah yang meninggalkan kesan dalam sejarah bukan sahaja di Malaysia, Singapura dan Indonesia, malah seluruh Alam Melayu.

bersifat falsafah dan kerohanian, dari bersifat emosi bertukar menjadi bersendiri

akalbudi, dari bersifat sukuan atau berpuakan menjadi kaya dengan unsur-unsur dan nilai-nilai keunggulan dan kemanusiaan sejagat. Unsur-unsur estetika dalaman yang bercorak kepekaan alam, kesederhanaan dan menekan nilai budi telah diadun rapi dengan unsur-unsur luaran yang diterapkan dan tidak lagi dianggap asing, misalnya keyakinan pada nilai keistimewaan dan keunggulan manusia serta kemurnian kewujudan insan sesama insan dan konsep insan dengan Penciptanya. Kedua-dua sumber tersebut dijalinpadu menjadi suatu ciptaan seni baru yang unik Melayu, walaupun pada asalnya diilhamkan atau bersumberkan dari dunia luar.

Malangnya, daya kreatif dan bakat sintesis mereka ini tidak disedari oleh Winstedt, sarjana Inggeris yang telah menghukum bahawa para sasterawan silam kita hanya meminjam dan meniru unsur-unsur luar, tanpa nilai keaslian. Beliau gagal melihat bahawa karya-karya sastera Hindu, seperti epik Ramayana, dan pengajaran Islam, mengalami proses ‘pemelayuan’ yang luar biasa di tangan para sasterawan besar kita.⁶

Kedatangan gelombang agama-agama besar dunia, sama ada Hindu dan Islam, telah meluaskan dan mengukuhkan sastera kita dari bercorak keleisanan (oral/aural) sahaja, telah bercorak keberaksaraan (literacy), dari bersifat alamiah kepada

Rasa Tanggungjawab Sosial dan Wawasan Sejarah Gelombang Penjajahan Barat telah meruntuhkan keagungan silam dan keyakinan diri Melayu sebagai sebuah bangsa yang pernah besar dan mengalami zaman kegemilangan dalam pemerintahan

sendiri sehingga mampu membina empayar besar yang dikagumi dunia. Penjajahan telah menukar imej Melayu menjadi masyarakat hamba di bumi sendiri yang telah dicap sebagai bangsa yang malas dan mundur. Generasi baru kemudian menyalahkan seluruh sistem feudal sebagai punca segala angkara dan sengsara bangsa, dan mula berpaling kepada barat sebagai penawar pedih dan penebus maruah diri.

Anehnya, dalam zaman penjajahan dan gerhana ini, para sasterawan kita telah berjaya menghasilkan karya-karya agung atau klasik Melayu untuk menjelaskan hakikat sejarah untuk renungan generasi masa muka. Tun Seri Lanang telah

menghasilkan Sulalatus Salatin atau Sejarah Melayu(1612) yang secara bijaksana melukiskan akan kegemilangan silam sebelum ia hilang dalam kotak ingatan dan tenggelam oleh rasa kehilangan kita buat selamanya. Karya ini juga mengingatkan kita akan kelemahan kepemimpinan yang tidak menunaikan tanggungjawabnya untuk memerintah dengan adil dan saksama sebagaimana yang dimaterai dalam Perjanjian di Bukit Seguntang, sehingga menyebabkan kejatuhan bangsa. Sejarah Melayu bukan saja membuktikan pengetahuan sejarah pengarangnya yang luas,

malah karya besar ini berjaya menerapkan rasa bangga pada sejarah dan tamadun Melayu silam, pada masa yang sama pengarangnya masih bersifat kritis terhadap kelemahan bangsa Melayu ketika itu.

Dalam abad ke 17 pula, epik Hikayat Hang Tuah pula dihasilkan untuk menanam benih kepahlawan Melayu kerana pengarangnya merasakan desakan zaman kerana akar diri bangsa Melayu sudah lama tercabut oleh penjajahan. Dalam zaman tersebut, semangat perjuangan, pengorbanan dan ciri keperwiraan yang luar biasa benar-benar diperlukan oleh masyarakat Melayu untuk menentang arus hebat penjajahan yang sudah memamah kekuatan masyarakat. Sekurang-kurangnya pengarang epik ini, melalui mulut protogonis utamanya, Hang Tuah, telah memberi kita sebuah harapan positif “Tak Melayu Hilang di Dunia”. Pengarang epik besar ini bukan sahaja menunjukkan semangat dan keterlibatan sosial yang kental malah memperlihatkan daya kreatif yang hebat, sikap objektif kepengarangan yang luar biasa, yang masih belum tercabar sehingga kini.

Di tengah-tengah pusaran arus dan gelombang sejarah itu, lahir juga beberapa sasterawan yang berpandangan jauh dalam penulisan mereka dan mereka tidak membataskan hala tuju dan dayungan seni mereka dalam biduk zaman yang kecil lagi rapuh, malah mereka sanggup menongkah arus, merongkai ikatan sauh tradisi dalam proses ciptaan dan pengucapan mereka, sehingga terdedah pada cemuhan dan kecaman sekitaran.

Antara tokoh-tokoh penongkah arus ini ialah Bukhari al-Jauhari, yang menghasilkan Taj as-Salatin (Mahkota Segala Raja-Raja, 1603 masehi) yang walaupun tulisan ini sesuai menjadi rujukan golongan raja dan pemimpin lainnya, sebenarnya ditulis khusus untuk Sultan Aceh, Sultan Alauddin Riayat Shah,yang menurut pengarang

ulama ini memerlukan panduan kepemimpinan tegas berdasarkan nilai Islam (Braginsky, 1994). Seorang lagi ialah Hamzah Fansuri, ulama dan penyair sufi yang faham wujudiyahnya menimbulkan kontroversi istana dan masyarakat Islam Aceh, sehingga karya-karyanya diperintahkan dibakar di depan masjid Aceh dan

para pengikutnya ditangkap dan dihukum. Sementara Munsyi Abdullah, pengarang yang amat kontroversial kerana kritikan tajamnya terhadap raja-raja dan masyarakat Melayu. Tokoh-tokoh gagah ini bukan sahaja memperlihatkan keberanian intelektual untuk bersuar dengan terus terang, mengemukakan pemikiran dan pendirian mereka berdasarkan ilmu dan pengalaman secara tegas, bahkan memperkenalkan corak baru dari segi pengucapan dan penulisan mereka.

Mungkin contoh daya sintesis klasik yang terbaik ialah *Tuhfat al-Nafis* karya Raja Ali Haji. Pengarangnya telah menghasilkan sastera sejarah yang bermutu tinggi dengan mengadukan unsur-unsur Islam, Melayu, Bugis dan juga barat dengan bijak dan balus sekali.

mereka berdasarkan ilmu dan pengalaman secara tegas, bahkan memperkenalkan corak baru dari segi pengucapan dan penulisan mereka.

KETERBUKAAN SIKAP DAN SEMANGAT KEMAJUAN

Para sasterawan lalu juga memperlihatkan sikap keterbukaan dan kesediaan mereka untuk terus mempelajari bahasa-bahasa baru dan teknologi maklumat dan perhu

bungan, serta ilmu-ilmu baru yang diperkenalkan melalui bahasa dan teknologi baru. Sumber ilmu tidak terbatas pada dunia Islam, malah dari tamadun barat. Abdullah sebagai anak Melayu-Islam pertama di rantau ini mempelajari teknologi percetakan pada usia muda 20 tahun dan kemudian mengajar teknologi percetakan sehingga buahnya dapat dinikmati oleh anak-anak Nusantara lain.⁸ Ini diteruskan oleh generasi seterusnya sehingga kemahiran ini meluas dan dapat dinikmati semua. Bagi kebanyakan penulis, mungkin kemahiran dan penguasaan teknologi ini mungkin tidaklah sepenting sumbangan dari segi idea dan estetika atau unsur-unsur dalam sastera, tetapi pembinaan prasarana komunikasi ini amat berguna untuk pembangunan bahasa dan kemajuan masyarakat pada keseluruhannya.

Selain teknologi, para pengarang kita juga telah memperlihatkan kesediaan mereka untuk menimba pelbagai sumber ilmu dan tamadun demi memajukan masyarakat. Pada tahun 1930-an, misalnya Pujangga Baru pimpinan Sutan Takdir Alisjahbana, telah melahirkan semangat baru untuk memajukan masyarakat Indonesia. Konsep seni yang dipegang oleh Pujangga Baru ialah "Seni itulah penggerak Semangat baru, pembantu bangsa dalam perjalanan ke arah kebesaran dan kemulian".

Pujangga baru dikatakan mendapat sumber Ilhamnya dari The Tachtigers (Generation of 1880s) di Belanda yang telah membawa pembaruan radikal dalam sastera Belanda. Takdir dan penulis Pujangga Baru yang lain seperti Armijn Pane, ingin membawa pembaharuan dalam sastera dan kehidupan masyarakat Indonesia dan mereka telah mengiktiraf Barat sebagai lautan kemajuan, yang perlu direnanginya, meninggalkan ketenangan tasik diri atau tradisi bangsa Indonesia yang dirasakan telah menghambat kemajuan:

Kami telah meninggalkan engkau Tasik yang tenang, tiada beriak Diteduhi gunung yang rimbun Dari angin dan topan Sebab sekali kami terbangun Dari mimpi yang nikmat....

Ketenangan lama rasa beku Gunung pelindung rasa penghalang Berontak hati hendak bebas Menyerang segala apa mengadang

(Takdir Alisjahbana, puisi "Menuju Ke Laut- Angkatan Baru")

Selepas Perang Dunia Kedua, lahir pula sekumpulan penulis generasi baru, Angkatan 45 atau Angkatan Kemerdekaan atau

Angkatan Chairil Anwar, yang bukan saja meneruskan cita-cita kemajuan yang dirintis oleh Angkatan Takdir, yang lebih menarik lagi ialah golongan penulis muda ini tidak lagi mahu dianggap sebagai warga bangsa dalam rumpun yang sempit, malah mahu diterima sebagai warga sastera dunia kerana dunia kini telah menjadi sumber ilham

Sejarah Melayu bukan saja membuktikan pengetahuan sejarah pengarangnya yang luas, malah karya besar ini berjaya menerapkan rasa bangga pada sejarah dan tamadun Melayu silam, pada masa yang sama pengarangnya masih bersifat kritis terhadap kelemahan bangsa Melayu ketika itu.

dan rujukan mereka: "Kami adalah ahli waris yang sah dari kebudayaan dunia dan kebudayaan ini kami teruskan dengan cara kami sendiri. Kami lahir dari kalangan

orang banyak dan pengertian rakyat bagi kami adalah kumpulan campur-baur dari mana dunia-dunia baru yang sihat dapat dilahirkan... Kalau kami berbicara tentang kebudayaan Indonesia, kami tidak kepada melap-lap hasil kebudayaan lama sampai berklat dan untuk dibanggakan, tetapi kami memikirkan suatu penghidupan kebudayaan baru yang sihat. Kebudayaan Indonesia ditetapkan oleh kesatuan berbagai rangsang suara yang disebabkan suara-suara yang dilontarkan dari sudut dunia dan kemudian dilontarkan kembali dalam bentuk suara sendiri. Kami akan menentang segala usaha-usaha yang akan mempersempitkan dan menghalangi tidak betulnya pemeriksaan ukuran nilai."

(Surat kepercayaan Gelanggang, dalam majalah SIASAT, 22.10.50)

Demikianlah lantangnya suara anak zaman selepas Perang yang dahagakan pembaharuan dan kemajuan. Sumber pembaharuan dan perspektif mereka sudah lebih luas-ke dunia atau alam sejagat. Kesedaran dan harapan mereka untuk menjadi anak jagat atau konsepsi humanisme sejagat mereka mungkin jelas tergambar melalui kenyataan berikut:

"Derita dunia ialah derita kita, kerana kita adalah ahli waris yang sah dari kebudayaan dunia" (Asrul Sani, 1949).

Api dan bahang semangat untuk maju di Indonesia juga terasa di Singapura sehingga lahir sekumpulan anak muda di sini pada 6 Ogos 1950 untuk membentuk ASAS 50. ASAS 50, muncul dengan meneruskan semangat sosial yang kritikal yang telah dipelopori para sasterawan terdahulu, kini bangkit semula dalam nafas baru dan mereka berazam untuk menghapuskan ciri-ciri dalaman yang menghambat kemajuan, keadilan dan kesejahteraan masyarakat. Objektif ASAS 50 ialah untuk membebaskan fikiran orang Melayu dari kepercayaan lama, belenggu yang mengongkong kebebasan fikiran dan jiwa dari pengaruh

faham feudal, ajaran kolot dan tahuyl. ASAS 50 telah mengukirkan dalam sejarah perkembangan sastera Melayu moden sebuah cita-cita murni untuk rakyat dan semangat unggul seni ini terungkap dalam mutiara kata perjuangan mereka untuk "Sastera untuk Masyarakat"

RASA CINTA DAN YAKIN TERHADAP BAHASA MELAYU

Sepanjang sejarah gelombang arus tersebut, para sasterawan Melayu secara tegas dan berterusan telah memilih bahasa

Melayu sebagai bahasa pengucapan dan perantaraan mereka, sehingga bahasa Melayu telah dapat berfungsi menjadi lingua franca di rantau Asia Tenggara yang benar-benar aktif dan terhormat.

Akibat sumbang-

gan sasterawan lalu dalam zaman Hindu, walaupun bahasa Sanskrit dipelajari, bahasa Melayu terus dijadikan bahasa komunikasi yang berfungsi menyalurkan falsafah, budaya dan imaginasi Hindu. Islam pula telah mengangkat bahasa Melayu menjadi bahasa perpaduan ummat dan bahasa ilmu. Semasa gelombang penjahanan barat, Barat pula berusaha untuk meluaskan pengaruh tulisan dan bahasa mereka dan ini telah menggugah keutuhan bahasa Melayu, tetapi penjahanan Barat terus menerima bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa dunia yang penting yang perlu dipelajari dan kuasai, sekurang-kurangnya untuk motif penjajahan mereka. Sungguhpun begitu, para cendikiawan

bahasa Melayu secara bijaksana telah menerapkan unsur-unsur tulisan dan bahasa luar, menyesuaikan dengan sistem bahasa Melayu, sehingga bahasa Melayu dapat ditingkatkan dan luaskan, untuk mengisi keperluan komunikasi dan penciptaan yang baru.

Mungkin rasa cinta sasterawan Melayu terhadap bahasa ini dapat diwakili oleh puisi Mohd Yamin berjudul "Bahasa, Bangsa" (1921) berikut:

Andalasku sayang, jana berjana
Sejakkan kecil muda teruna
Sampai mati berkalang tanah
Lupa ke bahasa, tiadakan pernah
Ingit pemuda, Sumatra hilang
Tiada bahasa, bangsa pun hilang.

Jelas ternyata yang usaha para sasterawan lalu untuk terus menggunakan dan berkarya dalam bahasa Melayu sepanjang gelombang sejarah tersebut, memperlihatkan keyakinan dan rasa cinta yang mendalam terhadap bahasa Melayu. Biarpun berdepan dengan gugatan bahasa Sanskrit, Arab dan bahasa-bahasa Eropah, semangat bahasa Melayu tetap diukir dalam sejarah dan ini terpahat dalam Sumpah Pemuda pada tahun 1928 ini:

"Kami putera dan puteri Indonesia mengaku berbangsa satu, bangsa Indonesia; Kami putera dan puteri Indonesia mengaku bertanah satu, tumpah darah Indonesia; Kami putera dan puteri Indonesia mengaku berbahasa satu, bahasa Indonesia."

(Sumpah Pemuda, 28 Oktober, 1928)

Yang menarik ialah sepanjang perjalanan sejarah dan cabaran pelbagai arus jagat lalu, bahasa Melayu terus berkembang dan diperkayakan, dan sumbangan para sasterawan dan elita budaya silam amat besar dan tidak dapat dinafikan lagi.

DALAM KEPOMPONG SEJARAH

Sudah banyak diperkatakan mengenai

masalah beban sejarah yang dipikul oleh rumpun Melayu akibat perjalanan dan pengalaman masa lalu, khususnya setelah mengharungi arus atau gelombang penjahanan yang lama. Antaranya ialah sistem politik, pengadilan, pendidikan, ekonomi, dan masalah komposisi penduduk yang berbagai kaum yang diwarisi dari dasar penjajah lalu yang seterusnya menimbulkan masalah kegenjutan ekonomi, sosial dan budaya sehingga kini.

Dalam bidang sastera, bebanan sejarah boleh dirumuskan seperti berikut: Pertama, dari segi pemikiran kerana sistem atau dasar penilaian sastera menggunakan kayukur atau perspektif Barat. Kedua, dari segi emosi, iaitu gejala 'rasa kekerdilan' diri sebagai suatu bangsa.

Bidang pengajian Melayu dan Indonesia telah dimulakan oleh para sarjana Eropah, khususnya Inggeris dan Belanda. Sehingga kini pun mereka masih menguasai bidang penelitian. Memang usaha rintis dan

sumbangan kesarjanaan mereka, antaranya tokoh-tokoh seperti Wilkinson, Winstedt, Hooykaas, Emeis, Teeuw, Braginsky dan Kratz, Philips dan Sweeney, harus dihargai kerana secara tidak langsung mereka telah membantu kita mengkaji dan mengenal sastera dan diri kita. Akan tetapi para sarjana tersebut meneliti dan melihat dari jendela mereka, yang mungkin dibataskan oleh perspektif orang luar dan pada masa

yang sama dipengaruhi dan berubah mengikut perkembangan ilmu dan cita rasa sastera Eropah itu sendiri.⁹ Jadi walau bagaimana objektif pun penilaian mereka mungkin masih belum cukup untuk memberikan gambaran yang lengkap mengenai sastera kita. Kita tidak boleh mengenepikan pendekatan dan ilmu mereka, tetapi pendekatan dan ilmu tersebut harus dilengkapkan dan diimbangi oleh pengkajian para sarjana dari rumpun Melayu sendiri. Oleh itu usaha yang dilakukan oleh para sarjana rumpun Melayu seperti Profesor Muhammad Haji Salleh yang menggali dan menilai semula sastera serta menafsir sastera untuk membina Puitika Sastera Melayu, dari perspektif orang dalam, amatlah menggalakkan dan perlu diteruskan.

Mungkin bebanan sejarah yang paling berat ialah dari segi emosi. Sepanjang ingatan dan renungan peribadi, terkesan yang masyarakat rumpun Melayu sejak dari dahulu lagi menanggung penderitaan jiwa yang berat kerana dihimpit perasaan yang dirinya kecil, rendah, miskin, malas, mundur dan sentiasa malang. Kompleks kekerdilan jiwa ini menimbulkan rasa kurang yakin, bimbang dan ragu untuk berdepan dengan arus masa depan, samada arus nasional, rantau, apatah lagi arus jagat.

Rasa kekecilan diri dan keraguan jiwa Melayu ini yang terhimpit dalam kepompong sejarah dan arus zaman ini telah saya rakamkan dalam sebuah puisi berikut pada tahun 1983:

Bagaimana dan bila
Manusia seperti aku dari bangsa kerdil
Di tengah negara kecil
Akan lebih bererti dan disedari di peta dunia
Dapat mengukir sebuah bekas di jalan sejarah
Menggantung sebutir kejora di dada cakerawala
Sambil mengecap keredaan Allah!
(Hadijah Rahmat, "Di Tengah Alam",
Berita Minggu, 8 mei 1983)